

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan solusi bagi menyelesaikan masalah tunggakan bil elektrik lampu jalan di tanah rancangan FELDA, khususnya di Jempol yang tidak mampu dibayar oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR).

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bil elektrik lampu jalan di tanah rancangan FELDA sebelum ini dibayar oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR).
2. Pada 18 Disember 2019, Kerajaan pada masa itu telah bersetuju supaya pembayaran bil operasi dan senggara lampu jalan di rancangan FELDA dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mulai Januari 2019 dan tahun-tahun berikutnya.
3. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani pandemik Covid-19, pembubaran Kementerian Hal

Ehwal Ekonomi dan penguntukan semula peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah mengakibatkan proses pembayaran tunggakan bil elektrik lampu jalan FELDA tertangguh.

4. Pada 17 Julai 2020, satu Mesyuarat Permohonan Peruntukan Kos Operasi Utiliti Wilayah Sahabat Dan Pembayaran Bil Elektrik Bagi Lampu Jalan Kampung FELDA telah diadakan. Hasil perbincangan tersebut, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengarahkan agar pihak FELDA mengemukakan semua dokumen sokongan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) bagi membolehkan proses pembayaran dibuat.

5. Sehubungan itu, semua dokumen sokongan tersebut telah dikemukakan oleh pihak FELDA kepada EPU pada 7 September 2020. Jumlah tunggakan yang perlu diselesaikan sehingga Julai 2020 adalah sebanyak RM1,356,212.39. Manakala anggaran jumlah yang diperlukan untuk bil semasa (Ogos-Disember 2020) adalah sebanyak RM3.25 juta dengan mengambil kira tambahan 11,095 lampu jalan baru yang akan dipasang. Pembayaran tunggakan bil elektrik tersebut akan dibayar di bawah penerbitan Sukuk bernilai RM9.9 bilion yang telah diluluskan dengan jaminan Kerajaan bagi tujuan pelaksanaan Pelan Pemulihan FELDA.

Sekian, terima kasih.